



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**17 OKTOBER 2022 (ISNIN)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**17 OKTOBER 2022 (ISNIN)**

# Pasaran global cecah AS\$200b

Rakyat digesa ambil peluang menceburi industri jualan langsung berikutan potensi menguntungkan

Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

Melaka

Rakyat di negara ini amat digalakkan menceburi industri jualan langsung berikutan potensi dan nilai jualannya sangat menguntungkan bukan saja dalam negara malah di peringkat dunia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ini dibuktikan apabila industri jualan langsung kini beroperasi di lebih 100 negara dengan saiz pasaran global bernilai AS\$200.1 bilion dan dijangka mencecah AS\$286.7 billion menjelang 2028.

Katanya, berdasarkan Laporan Jualan Peruncitan Jualan Langsung Global 2021 yang dikeluarkan oleh Persatuan Persatuan Jualan Langsung Dunia, Malaysia cemerlang apabila berada pada kedudukan keenam di peringkat global dan tempat keempat di Asia Pasifik dari segi rekod nilai jualan.

Menurutnya, pencapaian



NANTA Linggi (dua dari kanan) mengadakan lawatan ke gerai pameran dan jualan pada Perasmian Hari Industri Jualan Langsung Peringkat Negeri Melaka 2022 di Mahkota Parade, Melaka.

nilai jualan industri jualan Langsung Malaysia bagi 2020 pula berjumlah RM25.7 billion, peningkatan sebanyak 19.53 peratus dari tahun sebelumnya (RM21.5 billion tahun 2019).

"Pencapaian ini membuktikan bahawa pertumbuhan industri jualan langsung adalah amat dinamik dan mampu berkembang menjadi satu industri besar yang menyumbang kepada ekonomi domestik negara.

"Ia menunjukkan Malaysia sangat aktif dan penting dalam bidang ini, sebab itu kita lancarkan Hari Industri Jualan Langsung (HIJL) ini.

"(Justeru) kerajaan sangat menggalakkan minat dalam kalangan rakyat untuk menceburi bidang ini dan giat mempromosikannya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Industri Jualan Langsung Peringkat Negeri Melaka 2022 di pusat beli-belah

Mahkota Parade, di sini.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Penarungan, Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem dan Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

HIJL 2022 peringkat Negeri Melaka dilancarkan bertujuan untuk mengerakkan industri jualan langsung yang berperanan besar dalam merancakkan ekonomi baik di Melaka dan seluruh

negara.

"Setakat 1 Oktober terdapat 398 lesen jualan langsung diluluskan dan masih sah untuk menjalankan operasi perniagaan berkonsepkan jualan langsung. Enam daripadanya syarikat berdaftar di Melaka," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai tindakan pemangku kuasaan dilakukan kerajaan dalam mengawal selia industri itu, katanya sebanyak 34 syarikat dibatalkan lesen setakat ini.

"Kita ada akta tertentu untuk mengawal industri jualan langsung ini supaya lebih terkawal dan (menjalankan) aktiviti perniagaan sah."

"Sebaiknya ia selalu disalah anggap sebagai perniagaan berdasarkan skim piramid atau skim cepat kaya. Itu tidak dibenarkan."

"Penguat kuasa setakat ini sudah membatalkan lesen 34 syarikat kerana pelanggaran peraturan membatikan 26 kes dengan nilai rampasan RM4.2 juta bagi tempoh 2020 sehingga 2022.

"Sebanyak RM71,000 kompaun dan denda RM148,000 dikenakan kepada mereka yang bersalah," katanya.

Terdahulu dalam ucapan-

nya Nanta Linggi berkata, kerajaan sedar banyak pihak masih menganggap industri itu mempromosikan perniagaan berdasarkan skim piramid atau skim cepat kaya, walaupun sudah terbukti mampu menjadi sumber untuk menjana pendapatan melalui syarikat pemegang lesen jualan langsung yang sah.

"Industri jualan langsung ini juga menyumbang dengan ketara kepada pembangunan kemahiran, pertumbuhan sektor PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) dan permerkasaan wanita yang juga warga majoriti (64 peratus) aktif dalam industri ini."

"Penting untuk mengawal selia syarikat jualan langsung supaya mempunyai lesen yang sah daripada Kerajaan," katanya.

Dalam ucapannya juga Nanta Linggi menyentuh Pelan Hala Tuju Jualan Langsung (PHTJL) 2021-2025 yang dilancarkan penghujung Mei lalu bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri jualan langsung negara serta meningkatkan nilai jualan sektor berkenaan menjelang 2025.

HARI : ISNIN  
TARIKH : 17/10/2022  
M/SURAT : 4



# Amaran menteri kepada pengeluar telur

Pastikan bekalan telur dipertingkatkan untuk pasaran dalam negara

KUALA LUMPUR

**M**enteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberi amaran keras kepada semua pengeluar telur untuk memastikan pengeluaran bagi kegunaan domestik dipertingkat bagi memastikan keberadaan bekalan makanan itu dalam pasaran negara.

Ini kerana ketika turun padang melihat bekalan barang di pasar raya Segi Fresh di Batu Caves di sini pada Ahad, beliau mengakui bekalan telur berkurangan dan perkara itu turut diakui pemilik pasar raya yang menyatakan bekalan komoditi itu sukar didapati disebabkan tindakan pengeluar mengekspor telur gred kawalan iaitu gred A, B dan C ke luar negara sekali gus menyebabkan bekalan telur domestik berkurangan.

"Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalankan tanggungjawabnya dalam menyediakan dan meningkatkan subsidi kepada peternak daripada tiga sen sebiji kepada lapan sen sebiji disebabkan kos pengeluaran meningkat yang memberi kesan kepada pengeluaran telur gred A, B dan C.

"Subsidi yang diberikan kepada peternak ini juga adalah bertujuan memastikan harga kepada pengguna kekal pada harga siling yang ditetapkan kerajaan untuk telur gred



Alexander (kanan) meninjau bekalan telur yang dijual di pasar raya Segi Fresh Batu Caves pada Ahad.

A, B dan C," katanya menerusi catatan di Facebook pada Ahad.

Beliau berkata, walaupun penyaluran subsidi, urusan pengeluaran dan bekalan telur tetap di bawah bidang kuasa MAFI, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan sentiasa bekerjasama dengan MAFI dan agensi terlibat bagi memastikan kebijakan pengguna dijaga.

Alexander berkata, pengeluar hendaklah berintegriti dan menunaikan tanggungjawab mereka seperti yang dipersetujui dalam beberapa siri perbincangan selepas subsidi tambahan diberikan kepada mereka.


Mengenai bekalan barang

menjelang sambutan Deepavali, beliau berkata, bekalan barangan seperti ayam, sayur, minyak dan sebagainya dilihat memuaskan dengan harga jualan mematuhi harga maksimum ditetapkan kerajaan.

Alexander berkata, senarai harga dan barangan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali serta tempoh kawalan akan diumumkan kelak.

"Harga ditetapkan adalah munasabah berdasarkan data pergerakan harga barang yang dikumpul secara berterusan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP dan Bahagian Harga Barang Negara berserta input daripada pemain industri dan agensi berkaitan," jelasnya. - Bernama

# ‘Tingkat pengeluaran pastikan telur cukup’



**Menteri beri amaran kepada pengeluar tumpung bekalan domestik**

**Kuala Lumpur:** Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, memberi amaran keras kepada semua pengeluar telur untuk memastikan pengeluaran

bagi kegunaan domestik diperlakukan.

Ini bagi memastikan keberadaan bekalan makanan itu dalam pasaran negara.

Ketika turun padang melihat bekalan barang di pasar raya Segi Fresh di Batu Caves di sini, semalam, beliau mengakui bekalan telur berkurangan dan perka-ra itu diakui pemilik pasar raya yang menyatakan bekalan sukar diperoleh.

Is berikutnya tindakan pengeluar mengeksport telur gred kawalan iaitu gred A, B dan C, sekali gus menyebabkan bekalan telur domestik berkurangan.

“Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalankan tanggungjawabnya dalam menyediakan dan menaikkan subsidi kepada peternak dari tiga sen sebijil kepada lapan sen sebijil disebabkan kos pengeluaran meningkat, yang memberi kesan kepada pengeluaran telur gred A, B dan C.

terian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalankan tanggungjawabnya dalam menyediakan dan menaikkan subsidi kepada peternak dari tiga sen sebijil kepada lapan sen sebijil disebabkan kos pengeluaran meningkat, yang memberi kesan kepada pengeluaran telur gred A, B dan C.

urusan pengeluaran dan bekalan telur tertakluk di bawah bidang kuasa MAFI, Alexander berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa bekerjasama dengan MAFI dan agensi terabdi bagi memastikan kebajikan pengguna dijaga.

Katanya, pengeluar perlu berintegriti dan menunaikan tanggungjawab seperti dipersetujui dalam beberapa siri perbincangan selepas subsidi tambahan diberi.

Mengenai bekalan barang menjelang sambutan Deepavali, beliau berkata, bekalan barang seperti ayam, sayur, minyak dan

sebagaimana dilihat memuaskan dengan harga jualan mematuhi harga maksimum ditetapkan kerajaan.

“Senarai harga dan barang di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali serta tempoh kawalan akan diumumkan kelak.

“Harga ditetapkan adalah munasabah berdasarkan data pergerakan harga barang yang dikumpul secara berterusan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP dan Bahagian Harga Barang Negara, berserta input penggerak industri dan agensi berkaitan,” katanya.

BERNAMA

## *Bincang atasi masalah bekalan telur*

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berbincang dengan pihak pembekalan telur ayam di negara ini bagi menyelesaikan masalah bekalan bahan makanan itu yang disifatkan tidak stabil di pasaran.

Timbalan Menterinya Datuk Rosol Wahid berkata antara yang akan dibincangkan ialah alasan diberikan pihak pengeluar yang mendakwa

tempoh kawalan harga siling telur ayam terlalu lama menyebabkan terdapat pengusaha telur ayam menu tur perniagaan mereka.

"Alasan yang diberikan oleh pemain industri, saya tidak tahu ia betul atau tidak, adalah kerana kawalan harga siling yang terlalu lama iaitu sepanjang tahun berbanding sebelum ini antara seminggu dan dua minggu khususnya pada musim perayaan.

"Mereka mendakwa ini menjejaskan rantaian bekalan telur ayam. Bagaimanapun, kerajaan juga mengambil langkah intervensi dengan menyalurkan subsidi telur ayam yang kini dinamikkan kepada lapan sen sebijik," katanya selepas merasmikan Program Kempen Beli Barangan Malaysia di sini.

Rosol berkata kementeriannya turut meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) me-

mastikan kelancaran tuntutan subsidi itu bagi memastikan ia tidak dijadikan alasan oleh pemain industri dan menjamin bekalan telur sentiasa stabil di pasaran.

"Sebelum ini pun kita ada bincang dengan Mafi untuk penyelesaian sementara, sama ada kita boleh import telur tetapi saya difahamkan harga telur di luar negara pun agak mahal dan mata wang kita juga agak lemah ketika ini," katanya.

## Pemborong telur kenakan caj 60 sen diberi notis

**Klang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor mengeluarkan notis dan memberi tempoh sehingga 21 Oktober kepada seorang pemborong telur di Meru yang mengenakan caj pengendalian kepada pembeli.

Ketua Pegawai Penguat KPDNHEP Selangor, Mohd Khairi Jamaludin, berkata ia susulan pemeriksaan dibuat berikutan tular di media sosial berhubung caj pengendalian jualan telur ayam gred AA sebanyak 60 sen yang dikenakan pemborong terbabit.

"Premis diperiksa diberikan Notis Bertulis di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Penyatuan (AKHAP) 2011 kerana mengenakan caj pengendalian 60 sen bagi setiap tray (bekas) telur ayam gred A dan B.

"Tempoh maklum balas adalah sebelum atau pada 21 Oktober ini. Premis diperiksa perlu mematuhi notis berkenaan dan jika gagal boleh dikenakan tinjakan di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011.

"KPDNHEP Selangor memberikan peringatan supaya peniaga tidak mengenakan apa-apa caj tambahan yang tidak munasabah ke atas telur ayam dan ayam yang masih di bawah barang harga maksimum," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam operasi jam 10.30 pagi katanya, pemeriksaan mendapati premis itu mendapat bekalan telur daripada pengeluar/pembekal dari Melaka.

"Premis diperiksa turut dikenakan caj pengendalian pembelian telur ayam oleh pengeluar/pembekal bagi setiap tray telur ayam yang dibeli.

"Setiap tray dikenakan caj pengendalian oleh pengeluar/pembekal sejumlah 60 sen bagi setiap tray.

"Justeru, KPDNHEP Selangor sudah membuat tindakan dan siasatan susulan dengan kerjasama KPDNHEP Melaka untuk memberikan notis kepada pembekal terbabit," katanya.

Pada masa sama katanya, pemeriksaan mendapati premis berkenaan adalah peringkat pemborong yang menjual telur ayam pelbagai gred (AA, A, B, C dan D) kepada peruncit.

"Urus niaga hanya membabitkan dengan peniaga B hingga B. Tiada urus niaga dilakukan dengan pengguna," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial satu hantaran yang dibuat di Facebook Meru Klang Residents Official yang mendakwa premis terbabit mengenakan caj pengendalian kepada pengguna sebanyak 60 sen, malah sebelum ini kotak telur juga dikenakan caj.

Pada hantaran itu juga, ada yang mendakwa, ingin membeli telur saiz A tetapi diberikan saiz B dengan caj harga telur saiz A.

Ada juga yang mendakwa sebelum ini caj dikenakan adalah 30 sen, tetapi kini sudah dinaikkan kepada 60 sen.

## Pemborong caj 60 sen bagi seapan telur ayam disiasat



Penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan ke atas premis berkenaan selepas menerima aduan berhubung caj pengendalian tersebut.

**KLANG** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memeriksa sebuah premis pemborong telur ayam di Klang yang didakwa mengenakan caj tidak munasabah kepada pelanggan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, premis tersebut dikesan mengenakan caj pengendalian 60 sen bagi seapan telur ayam gred A dan B kepada pembeli terdiri peruncit.

Menurutnya, pengusaha premis tersebut telah diberikan notis bertulis dan perlu mengemukakan penjelasan berhubung perkara itu sebelum 21 Oktober depan.

"Notis bertulis dikeluarkan di bawah-

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan perlu memberi maklum balas mengikut tempoh ditetapkan.

"Premis berkenaan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 yang membawa hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali jika gagal mematuhi notis tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beberapa hari lalu tular di media sozial berhubung caj pengendalian jualan telur ayam gred AA sebanyak 60 sen.

Susulan daripada itu, seramai tiga penguat kuasa dari unit antipencatutan KPDNHEP Selangor telah ke lokasi bagi menjalankan siasatan pada Ahad.

Mohd Khairi berkata, premis tersebut

mengjual telur ayam pelbagai gred kepada peruncit sahaja dan tiada urus niaga terus kepada pengguna.

Ujarnya, pemeriksaan mendapati premis berkenaan mematuhi penandaan tanda harga jualan bagi setiap barang (telur ayam pelbagai gred) yang dijual.

"Bekalan telur diperoleh daripada pengeluar atau pembekal ayam dari Melaka.

"Berhubung pembekal atau pengeluar telur ayam di Melaka pula, KPDNHEP Selangor telah membuat tindakan atau siasatan susulan dengan kerjasama KPDNHEP Melaka untuk memberikan notis kepada pembekal tersebut," jelasnya.

## Gara-gara caj 60 sen pemborong telur diberi notis

**Klang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor mengeluarkan notis dan memberi tempoh sehingga 21 Oktober ini kepada seorang pemborong telur di Meru yang mengenakan caj pengendalian kepada pembeli.

Ketua Pegawai Penguasa KPNDNHEP Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, tindakan ke atas pemborong itu diambil selepas pemeriksaan dibuat susulan tular di media sosial berhubung caj pengendalian jualan telur ayam Gred AA sebanyak 60 sen yang dikenakan oleh pemborong terbabit.

"Premis yang diperiksa diberikan suatu Notis Bertulis mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatuan (AKHAP) 2011 kerana mengenakan caj pengendalian 60 sen bagi setiap bekas telur ayam gred A dan B dibeli oleh pembeli."

"Tempoh maklum balas adalah sebelum atau pada 21 Oktober ini. Premis diperiksa perlu mematuhi notis berkenaan dan jika gagal, boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 21 AKHAP 2011.

"Kami memberikan peringatan agar peniaga tidak mengenakan caj tam-



Premis yang diperiksa diberikan suatu Notis Bertulis mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatuan (AKHAP) 2011 kerana mengenakan caj pengendalian 60 sen bagi setiap bekas telur ayam gred A dan B dibeli oleh pembeli"

**Mohd Khairi Jamaludin**

bahan yang tidak munasabah ke atas telur ayam dan ayam yang masih dibawah barangan harga maksimum," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, dalam operasi jam 10.30 pagi semalam, pemeriksaan mendapati premis itu mendapat bekalan telur daripada pengeluar atau pembekal telur ayam dari Melaka.

"Premis diperiksa turut dikenakan caj pengendalian pembelian telur ayam oleh pengeluar atau pembekal bagi setiap bekas telur ayam yang dibeli.

"Setiap bekas dikenakan caj pengendalian oleh pengeluar atau pembekal sebanyak 60 sen," katanya.

## Premis caj 60 sen jual telur sepan diperiksa

**KLANG** – Sebuah premis pemborong telur ayam di daerah ini yang tular mengenakan caj pengendalian 60 sen bagi setiap bekas diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam.

Pemeriksaan menyeluruh itu dilakukan tiga anggota pegawai kuasa KPDNHEP Selangor, kira-kira pukul 10.30 pagi.

Ketua Pegawai Penguatkuasaannya, Mohd. Khairi Jamaludin berkata, semakan pihaknya mendapati, premis itu merupakan pemborong yang menjual telur ayam pelbagai gred kepada peruncit atau peniaga.

Kata beliau, urus niaga yang dijalankan bagaimanapun tidak melibatkan pengguna.

"Premis itu memperoleh bekalan telur dari Melaka dan

turut dikenakan caj pengendalian 60 sen bagi setiap 'tray' (bekas) yang dibeli.

"Pemeriksaan mendapati, premis itu mematuhi pernadaan harga caj dikenakan kepada pembeli, tanda harga merah jambu dan peruntukan maklumat di dalam resit jualan," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas Mohd. Khairi, premis itu bagaimanapun diberikan Notis Bertulis di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencautan (AKHAP) 2011 bagi memberi justifikasi atas pengenaan caj berkenaan.

"Jika gagal memberi notis itu, premis boleh didenda tidak lebih RM500,000, manakala maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi individu," ujarnya.



NOTIS caj pengendalian yang dikenakan sebanyak 60 sen di sebuah premis pemborong telur di Klang semalam.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : ISNIN  
TARIKH : 17/10/2022  
M/SURAT : 16

|  |                                      |                               |                                      |                                      |
|--|--------------------------------------|-------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| <br>Senarai Harga Barang Keperluan | • Ayam <b>RM7.49</b>                 | • Telur Gred A <b>RM13.35</b> | • Gula Pasir <b>RM2.85</b>           | • Cili Merah <b>RM9.90</b>           |
|  | • Daging Lembu Tempatan <b>RM38</b>  | • Ikan Kembung <b>RM13.50</b> | • Bawang Besar Holland <b>RM2.89</b> | • Kubis Bulat Tempatan <b>RM3.29</b> |
|  | • Daging Lembu Import <b>RM50.90</b> | • Minyak Masak <b>RM6.70</b>  | • Bawang Putih <b>RM4.99</b>         | • Tepung Gandum <b>RM2.60</b>        |
|  |                                      |                               |                                      | *Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP       |



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI KPDNHEP)**

---

---

**17 OKTOBER 2022 (ISNIN)**

## Rosol tidak kisah guna simbol bulan di Hulu Terengganu

**KUALA TERENGGANU** — Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Rosol Wahid sanggup menggunakan simbol bulan pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Penyandang Ahli Parlimen Hulu Terengganu itu memberitahu, tidak salah sekiranya menggunakan simbol yang sinonim dengan Pas tersebut sekiranya ia boleh menjamin kemenangan

semua calon Perikatan Nasional (PN) termasuk Bersatu di negeri Pantai Timur berkenaan.

"Saya bersedia (menggunakan simbol bulan) asalkan kita boleh menang (pada PRU15).

"Begini pun, pucuk pimpinan (Bersatu) yang akan memutuskan logo mana yang digunakan PN nanti. Saya akan akur," katanya di sini semalam.

Kosmo! kelmarin melaporkan Pas akan menggunakan simbol

bulan pada semua calonnya di semua negeri dikuasai parti di Terengganu, Kelantan dan Kedah.

Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang menjelaskan ia disebabkan bukan sahaja disebabkan kekuatan akar umbi, malah simbol bulan itu sudah sinonim dengan pengundi-pengundi di tiga negeri itu.

Dalam perkembangan sama, Rosol memberitahu, PRU15 merupakan medan terbaik un-

tuk menguji kekuatan Bersatu di Terengganu termasuk Parlimen Hulu Terengganu yang disandangnya.

Timbalan Ketua Badan Pimpinan Bersatu Negeri Terengganu itu berkata, beliau sedar segelintir pihak masih tidak memaafkan keputusannya keluar daripada UMNO (BN) dan menyertai Bersatu pada akhir tahun 2018.

"Beginitupun saya telah memberi khidmat terbaik kepada

penduduk Parlimen Hulu Terengganu dan terpulang kepada pengundi untuk menilainya," katanya.

Pada PRU14, Rosol mewangkan kerusi Parlimen Hulu Terengganu atas tiket Barisan Nasional dengan majoriti 2,868 undi.

Beliau menewaskan dua calon lain iaitu Muhyiddin Abdul Rashid (Pas) dan Datuk Razali Idris (Bersatu) dan keluar UMNO pada 2018.

## 'Bersatu terbuka guna logo lain asalkan menang'

KUALA TERENGGANU - Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Terengganu bersedia untuk menggunakan logo lain pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Timbalan Pengurusnya, Datuk Rosol Wahid berkata, sebarang keputusan parti akan dipatuhi sekiranya tindakan bertanding dengan logo lain mampu meraih ke menangan buat Perikatan Nasional (PN).

"Kita bersedia asal kita boleh menang, terserah kepada pucuk pimpinan untuk putuskan guna logo mana," katanya kepada pemberita di sini pada Ahad.

Sebelum ini, tiga negeri di bawah pentadbiran Pas iaitu Kelantan, Terengganu dan Kedah akan menggunakan logo parti sendiri bagi semua calon yang akan bertanding dalam PRU15.

Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang berkata, keputusan menggunakan simbol sendiri memandangkan parti berkenaan mempunyai sokongan padu di tiga negeri tersebut.

Katanya, Pas akan berbincang dengan Bersatu me-



ROSOL

ngenai keputusan menggunakan logo parti itu.

Mengulas mengenai kedudukan pada PRU15, Rosol yang merupakan bekas Ahli Parlimen Hulu Terengganu memberi bayangan bakal mempertahankan kerusi tersebut dengan 80 peratus

peluang akan kekal di sana.

Walaupun ada dakwaan mengatakan kedudukannya tidak begitu kukuh di Hulu Terengganu, beliau mengambil pendirian sudah memberi khidmat terbaik buat rakyat selama empat tahun menjadi wakil rakyat di sana.

"Kita tidak tahu kesannya sebelum diuji, kena uji dulu baru tahu kuat atau tidak.

"Saya sudah buat yang terbaik untuk rakyat, terserah kepada mereka untuk menilai. Saya keluar UMNO, tetapi bukan lari dan tidak berkhidmat, sebaliknya untuk menjadikan keadaan lebih baik," katanya.

Pada PRU14, Rosol yang bertanding atas tiket BN memperoleh sebanyak 30,925 undi menewaskan calon Pas, Muhyidin Abdul Rashid (28,057 undi) dan calon Bersatu, Datuk Razali Idris (3,374 undi).

## Rosol sedia guna logo bulan

**KUALA TERENGGANU:** Timbalan Ketua Badan Pimpinan Bersatu Negeri Terengganu, Datuk Rosol Wahid menegaskan beliau sanggup bertanding menggunakan logo bulan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sekiranya mendapat persetujuan Perikatan Nasional (PN).

"Saya bersedia (guna logo bulan) asalkan kita boleh menang, namun, kena ikut pucuk pimpinan untuk putuskan PN guna logo mana dalam PRU15 kali ini," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang memaklumkan tiga negeri pimpinannya iaitu Kelantan, Terengganu dan Kedah akan menggunakan logo bulan untuk semua calon PN yang akan bertanding dalam PRU15.

Keputusan menggunakan logo sendiri itu diambil kerana Pas mempunyai sokongan padu di tiga negeri tersebut dan logo bulan sangat sinonim untuk pengundi parti di Kedah, Kelantan dan Terengganu berbanding logo lain.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, PRU15 adalah medan terbaik untuk menguji penerimaan pengundi bagi Parlimen Hulu Terengganu terhadap Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) khususnya di negeri ini.

Menurutnya, selama empat tahun menjadi Ahli Parlimen Hulu Terengganu, beliau telah melakukan yang terbaik untuk kawasan itu dan kini terpulang kepada pengundi untuk mem-



**ROSOL WAHID**

buat keputusan.

Tambahnya, hanya pengundi Parlimen Hulu Terengganu layak menilai semua usaha dan perkhidmatan yang diberi selama ini sama ada memilihnya semula menjadi wakil rakyat atau menghukumnya kerana keluar dari UMNO selepas PRU14 yang lalu.

"Tindakan saya keluar dari UMNO dahulu (selepas PRU14) adalah untuk menjadikan keadaan lebih baik ketika itu.

"Ini kerana semasa saya dalam UMNO, saya hanya dapat peruntukan RM100,000 sahaja (sebagai ahli Parlimen pembangkang) dan apabila menertai Bersatu, saya dapat peruntukan RM3.5 juta untuk Hulu Terengganu.

"Jadi, saya serahkan semuanya kepada pengundi. Sekarang ini, terpulang pada mereka bagaimana untuk menerima saya yang mewakili Bersatu," katanya.

| BERITA ONLINE BERTARIKH 17 OKTOBER 2022 |   |   |                  |
|---|---|---|------------------|
| TARIKH                                  | TAJUK   | PAUTAN  | MEDIA            |
| 17-Oct                                  | Singapore recalls eggs from Malaysia after detecting salmonella             | <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/10/15/singapore-recalls-eggs-from-malaysia-after-detecting-salmonella/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/10/15/singapore-recalls-eggs-from-malaysia-after-detecting-salmonella/</a>                   | FMT              |
| 17-Oct                                  | Pemborong Telur Caj 60 Sen Dikenakan Notis Oleh KPDNHEP                     | <a href="https://youtu.be/U2HGgcRHwls">https://youtu.be/U2HGgcRHwls</a>   | MALAYSIAGAZETTEV |
| 17-Oct                                  | Bekalan minyak masak tepung gandum cukup                                    | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226221">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226221</a>   | SH               |
| 17-Oct                                  | Pemborong telur kenakan caj tidak munasabah disiasat                        | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226204">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226204</a>   | SH               |
| 17-Oct                                  | Pemborong telur kenakan caj pengendalian dikenakan tindakan                 | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/893071/pemborong-telur-kenakan-caj-pengendalian-dikenakan-tindakan">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/893071/pemborong-telur-kenakan-caj-pengendalian-dikenakan-tindakan</a> | HM               |
| 17-Oct                                  | KPDNHEP selangor arah pemborong bagi penjelasan kenakan caj pendalian telur | <a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2129591">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2129591</a>   | BERNAMA          |
| 17-Oct                                  | Selangor KPDNHEP orders wholesale to explain handling charge on eggs        | <a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2129575">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2129575</a>   | BERNAMA          |
| 17-Oct                                  | Amaran keras kepada pengeluar pastikan bekalan telur domestik dipertingkat  | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2129557">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2129557</a>   | BERNAMA          |
| 17-Oct                                  | Producers urged to increase egg production for domestic consumption         | <a href="https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2129642">https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2129642</a>   | BERNAMA          |

|        |   |   |                     |
|--------|---|---|---------------------|
| 17-Oct | Pengeluar eksport ke luar negara punca bekalan telur terjejas                       | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2022/10/pengeluar-eksport-ke-luar-negara-punca-bekalan-telur-terjejas/">https://www.utusan.com.my/berita/2022/10/pengeluar-eksport-ke-luar-negara-punca-bekalan-telur-terjejas/</a>   | UM                  |
| 17-Oct | Amaran keras kepada pengeluar pastikan bekalan telur domestik dipertingkat -KPDNHEP | <a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/49052-amaran-keras-kepada-pengeluar-pastikan-bekalan-telur-domestik-dipertingkat-kpdnhep">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/49052-amaran-keras-kepada-pengeluar-pastikan-bekalan-telur-domestik-dipertingkat-kpdnhep</a>                         | BERITARTM           |
| 17-Oct | KPDNHEP Selangor arah pemborong bagi penjelasan kenakan caj pengendalian telur      | <a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdnhep-selangor-arah-pemborong-bagi-penjelasan-kenakan-caj-pengendalian-telur-DY9991207">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdnhep-selangor-arah-pemborong-bagi-penjelasan-kenakan-caj-pengendalian-telur-DY9991207</a>                             | THESUNDAILY         |
| 17-Oct | S'gor KPDNHEP orders wholesaler to explain handling charge on eggs                  | <a href="https://www.thesundaily.my/local/s-gor-kpdnhep-orders-wholesaler-to-explain-handling-charge-on-eggs-XY9991132">https://www.thesundaily.my/local/s-gor-kpdnhep-orders-wholesaler-to-explain-handling-charge-on-eggs-XY9991132</a>   | THEUSNDAILY         |
| 17-Oct | Nanta: Producers urged to increase egg production for domestic consumption          | <a href="https://www.theborneopost.com/2022/10/16/nanta-producers-urged-to-increase-egg-production-for-domestic-consumption/">https://www.theborneopost.com/2022/10/16/nanta-producers-urged-to-increase-egg-production-for-domestic-consumption/</a>   | THEBORNEOPOST       |
| 17-Oct | Selangor KPDNHEP orders wholesaler to explain handling charge on eggs               | <a href="https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2022/10/16/selangor-kpdnhep-orders-wholesaler-to-explain-handling-charge-on-eggs/amp/">https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2022/10/16/selangor-kpdnhep-orders-wholesaler-to-explain-handling-charge-on-eggs/amp/</a>           | THEMALAYSIANRESERVE |
| 17-Oct | Pengeluar eksport ke luar negara punca bekalan telur kurang, kata menteri           | <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/10/16/pengeluar-eksport-ke-luar-negara-punca-bekalan-telur-kurang-kata-menteri/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/10/16/pengeluar-eksport-ke-luar-negara-punca-bekalan-telur-kurang-kata-menteri/</a> | FMT                 |
| 17-Oct | Pemborong telur kenakan caj pengendalian dikenakan tindakan                         | <a href="https://mytv.online/2022/10/16/pemborong-telur-kenakan-caj-pengendalian-dikenakan-tindakan/">https://mytv.online/2022/10/16/pemborong-telur-kenakan-caj-pengendalian-dikenakan-tindakan/</a>   | MYTVONLINE          |

|        |  |   |            |
|--------|--|---|------------|
| 17-Oct | Amaran keras kepada pengeluar pastikan bekalan telur domestik dipertingkat - Nanta | <a href="https://www.1media.my/2022/10/amaran-keras-kepada-pengeluar-pastikan.html?m=1">https://www.1media.my/2022/10/amaran-keras-kepada-pengeluar-pastikan.html?m=1</a>   | 1MEDIA     |
| 17-Oct | Amaran keras kepada pengeluar telur  | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226211">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226211</a>   | SH         |
| 17-Oct | KPDNHEP appeals to chicken egg producers to increase domestic supply               | <a href="https://dayakdaily.com/kpdnhep-appeals-to-chicken-egg-producers-to-increase-domestic-supply/">https://dayakdaily.com/kpdnhep-appeals-to-chicken-egg-producers-to-increase-domestic-supply/</a>   | DAYAKDAILY |
| 17-Oct | Nanta: Producers urged to increase egg production for domestic consumption         | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/10/16/nanta-producers-urged-to-increase-egg-production-for-domestic-consumption/33939">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/10/16/nanta-producers-urged-to-increase-egg-production-for-domestic-consumption/33939</a>   | MALAYMAIL  |
| 17-Oct | 'Pastikan bekalan telur mencukupi'   | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013168/pastikan-bekalan-telur-mencukupi">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013168/pastikan-bekalan-telur-mencukupi</a>   | BH         |
| 17-Oct | Increased sales of M'sian products helped stimulate domestic economy, says Nanta   | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/16/increased-sales-of-m039sian-products-helped-stimulate-domestic-economy-says-nanta">https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/16/increased-sales-of-m039sian-products-helped-stimulate-domestic-economy-says-nanta</a>   | THESTAR    |
| 17-Oct | Peningkatan pembelian barang Malaysia bantu rangsang ekonomi domestik - Nanta      | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/peningkatan-pembelian-barangan-malaysia-bantu-rangsang-ekonomi-domestik-nanta-386286%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/peningkatan-pembelian-barangan-malaysia-bantu-rangsang-ekonomi-domestik-nanta-386286%3famp=1</a> | ASTROAWANI |
| 17-Oct | Beli barang Malaysia bantu rangsang ekonomi domestik                               | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226227">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226227</a>   | SH         |